



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG

---

## KENYATAAN TAWARAN

**NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/45/2018**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

**“PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENJAGA KEBERSIHAN DI KUARTERS KERAJAAN NEGERI, DEPO KENDERAAN JABATAN DI DAERAH TIMUR LAUT, DAN BANGLO VIP, BATU FERINGGI, PULAU PINANG”**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

**Tarikh : 04 Julai 2017 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 Pagi**  
**Tempat : Depo Kenderaan Jabatan Peel Avenue**  
**Kehadiran : Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan).**  
**Tambahan : Sila Bawa Cop Syarikat**

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **ePerolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 11 Julai 2018** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bil. PSUKPP/45/2018** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang